

Jenis Akhbar : Suara Sarawak
Tarikh : 09/07/2026
Edisi / Muka Surat : Sarawak / 1
Tajuk : Koperasi perlu teroka ekopelancongan

SUARA SARAWAK

EKONOMI

KHAMIS • 9 Julai 2026 • 23 Muharam 1448H

MALCOLM menyampaikan sijil penghargaan kepada peserta yang menyertai Program Bicara Ilmu: Ekopelancongan Koperasi: Dari Alam ke Ekonomi Komuniti, semalam.

Koperasi perlu teroka ekopelancongan

NUR FARIHAN RAZALI

KUCHING: Gerakan koperasi perlu melangkah lebih jauh daripada model perniagaan tradisional dengan memanfaatkan peluang dalam sektor ekopelancongan menerusi kerjasama yang lebih strategik dan bersepadu.

Timbalan Premier Sarawak, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan berkata, sektor pelancongan merupakan antara pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara kerana bukan sahaja menjana pendapatan, malah mewujudkan peluang pekerjaan, menarik pelaburan serta merencanakan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana.

Menurutnya, sektor itu turut memberi limpahan manfaat kepada sektor pengangkutan, hospitaliti, pertanian, kraf tangan dan ekonomi komuniti.

"Selepas pandemik COVID-19, Malaysia berjaya memulihkan industri pelancongan dengan pantas, dan pada tahun 2025, negara merekodkan lebih 42.19 juta ketibaan pelawat antarabangsa.

"Bagi suku pertama tahun 2026 pula, sebanyak 10.65 juta pelawat direkodkan, meningkat 5.4 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Penutupan Program Bicara Ilmu: Ekopelancongan Koperasi: Dari Alam ke Ekonomi Komuniti menerusi teks yang dibacakan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan Sarawak, Datuk Dr Malcolm Mussen Lamoh, di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCKK), semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, landskap pelancongan dunia kini berubah ke arah pelancongan lestari apabila pelancong semakin menghargai destinasi yang memelihara alam sekitar, menghormati warisan budaya serta memberi manfaat secara langsung kepada komuniti setempat.

Ujarnya, selaras dengan Dasar Pelancongan Negara 2020-2030, Malaysia terus memperkukuh pembangunan ekopelancongan dan pelancongan berasaskan komuniti.

Dalam pada itu, Awang Tengah berkata, sektor pelancongan merupakan antara sektor strategik di bawah Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 2030 (PCDS 2030), dengan matlamat menjadikan Sarawak sebagai destinasi ekopelancongan bertaraf antarabangsa melalui penglibatan aktif komuniti dalam memelihara warisan budaya dan khazanah alam.

"Sarawak merekodkan 4.97 juta ketibaan pelawat pada tahun 2025 dengan anggaran hasil pelancongan sebanyak RM12.67 bilion.

"Pencapaian ini membuktikan keyakinan pelancong terhadap Sarawak sebagai destinasi yang selamat, berkualiti dan berdaya saing.

"Namun, kejayaan ini bukan hanya diukur melalui jumlah pelawat atau pulangan ekonomi semata-mata. Sarawak mengamalkan pendekatan pelancongan bertanggungjawab, iaitu pembangunan yang menyeimbangkan pertumbuhan ekonomi, pemuliharaan alam sekitar, pemeliharaan warisan budaya dan kesejahteraan komuniti," katanya lagi.

Sehubungan itu, katanya, Pelan Induk Pelancongan Sarawak 2020-2035 turut memberi penekanan kepada pembangunan ekopelancongan dan pelancongan berasaskan komuniti bagi membolehkan masyarakat menikmati manfaat industri pelancongan melalui inap desa, perusahaan kraf tangan, industri kreatif dan pelbagai aktiviti ekonomi setempat.

Jelasnya, Sarawak juga memiliki aset semula jadi bertaraf dunia seperti Taman Negara Gunung Mulu, Niah, Bako, Batang Ai dan Loagan Bunut yang perlu dimanfaatkan secara mampan melalui pemeliharaan biodiversiti, peningkatan kemudahan pelancongan serta usaha mendapatkan pengiktirafan antarabangsa seperti Sarawak Delta UNESCO Global Geopark.

Di samping itu, beliau berkata, sehingga kini terdapat lebih 16,468 koperasi di seluruh negara dengan keanggotaan seramai 7.33 juta orang, aset melebihi RM186.75 bilion dan perolehan tahunan lebih RM81 bilion.

"Angka ini membuktikan bahawa gerakan koperasi mempunyai kekuatan ekonomi yang besar untuk menyumbang kepada pembangunan negara," katanya.

Menurutnya, antara keutamaan yang perlu diberi perhatian adalah membina rantaian nilai yang lebih kukuh dalam kalangan koperasi supaya koperasi pertanian, pelancongan, peruncitan dan kraf tangan saling melengkapi bagi memastikan nilai ekonomi terus beredar dalam komuniti setempat.

Tambahnya, koperasi juga perlu memanfaatkan teknologi digital, memperkukuh pemasaran dalam talian, menyediakan kemudahan pembayaran tanpa tunai seperti S Pay Global serta mengaplikasikan sistem pengurusan data pelawat yang lebih sistematik bagi meningkatkan kecekapan operasi dan pengalaman pelawat.

